

**300 peneroka di NS bantah penyenaian FGVH**  
**MalaysiaKini.com**  
**February 22,2012**  
**Darwish Zainal**

Lebih 300 peneroka Felda dari penempatan di Palong 4, 5 dan 6 di Negeri Sembilan membantah cadangan penyenaian Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGVH) di Bursa Malaysia, malam tadi.

Sehubungan itu, peneroka di penempatan berkenaan menyatakan sokongan terbuka dengan meletakkan tandatangan pada kain rentang serta mencatatkan segala kekecewaan mereka. Antaranya, 'Umno-BN penipu', 'Felda penipu', 'Hidup Keadilan' dan 'Lawan tetap Lawan'.

Ini adalah acara sampingan semasa presiden PKR Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengadakan lawatan ke kawasan Felda Palong 6 malam semalam.

Isteri ketua umum PKR itu juga melancarkan kempen mengumpul 100,000 tandatangan yang diterajui oleh Biro Felda dan Orang Asal PKR yang membantah cadangan penyenaian FGVH.

Biro itu merancang mengadakan perhimpunan besar-besaran pada 29 Mac ini di Kuala Lumpur, sebelum menganjurkan satu lagi bantahan di Putrajaya pada hari berikutnya untuk membantah cadangan penyenaian yang dijadualkan pada 10 Mei ini.

"Kami telah memohon kepada pihak pengurusan Kelab Sultan Sulaiman dan masih menunggu kelulusan mereka. Kami akan jahit kain rentang itu bersama-sama berarak membawa tandatangan pada hari itu.

"Kemudian pada 30 Mac, kami akan menyiapkan diri untuk perhimpunan besar di hadapan Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya," kata ketua biro itu, Suhaimi Said (kanan, berdiri).

Menurut beliau, peneroka Felda pada hari berkenaan akan berhimpun di masjid Putrajaya sebelum berarak, manakala kain rentang yang mengandungi 100,000 tandatangan peneroka Felda juga akan dibawa bersama.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
<http://www.malaysiakini.com/news/189949>